

Konsep hifzu ad-din wujudkan toleransi bukan kompromi

➔ Prinsip, peraturan Islam mesti terus dipertahankan

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

Agama tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan kerana ia diumpamakan seperti roh dan jasad hingga menjadikannya perlu dipelihara dan dijaga.

Menjadi tanggungjawab Muslim beraman menjaga kesucian agama Islam daripada sebarang ancaman, kerosakan dan dihina serta diperlekehkan oleh mana-mana pihak.

Maqasid syariah (tujuan pensyariaan) menggariskan menjaga agama atau hifzu ad-din diletakkan dalam kedudukan pertama dalam hierarki dharuriyyat (keperluan asasi) yang menunjukkan pentingnya Muslim mempertahankan agama.

Menjaga agama juga bermakna umat Islam menjaga dharuriyyat lain, iaitu jiwa, akal, keturunan

dan harta. Asas penjagaan empat perkara itu berteraskan agama.

Pensyarah Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Muhammad Adib Samsudin, berkata kesucian Islam perlu ditegakkan untuk menjaga dan memelihara kehidupan manusia.

Pertahan perintah ilahi

"Al-Quran mensyariatkan perintah seperti solat, zakat dan puasa yang mesti dilakukan. Jadi perintah Allah ini dipertahankan dan sekiranya dilanggar, perlu diambil tindakan.

"Sebagai contoh, sekiranya tidak solat, berdosa dan akan masuk neraka, manakala orang tidak berpuasa sekiranya ditangkap boleh diambil tindakan sebagai pengajaran kepada orang lain. Begitu juga orang murtad dijatuhkan hukuman bunuh untuk mengelakkan kerosakan pada individu lain.

"Jadi, perintah Allah SWT perlu dipatuhi sebagai tanda berpegang teguh dengan agama dan peringatan daripada perbuatan mungkar," katanya.

Muhammad Adib berkata, menjaga agama tidak boleh disabitkan kepada agama lain kerana di sisi Allah, Islam agama yang tunggal.

Islam mempunyai prinsip dan



Islam meraikan dan memberi ruang kepada penganut agama lain melakukan ibadat serta ritual mengikut cara masing-masing selagi tidak dilihat mengganggu kesucian Islam"

Muhammad Adib Samsudin,
Pensyarah Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

peraturan yang tidak sama dengan agama lain, sekali gus menjadikan objektif syariah dalam menjaga agama tidak boleh disamakan.

Muhammad Adib berkata, hak terhadap semua perkara yang bukan sahaja agama lain, bahkan haiwan dan jin tidak diabaikan oleh Islam.

Beliau berkata, Rasulullah SAW model dan terbaik dalam menyantuni kepada bukan Islam.

"Ketika Islam tersebar dan mempunyai kuasa pemerintahan, sejarah tidak menunjukkan kekerasan berlaku.

"Apabila pemerintahan Islam dilaksanakan secara betul, hak terhadap bukan Islam akan tetap dijaga dan diberikan sepatutnya.

Jaga keharmonian

"Begitu juga pada zaman kegemilangan pentadbiran khalifah Islam selepas kewafatan Rasulullah, kerajaan Islam menyediakan biasiswa kepada bukan Islam yang akhirnya dapat keluar daripada zaman kegelapan," katanya.

Dalam konteks Malaysia sebagai negara pelbagai kaum dan agama, Muhammad Adib berkata, toleransi yang wujud bukan bersifat berkompromi, sebaliknya demi menjaga keharmonian sejak sekian lama.

Katanya, Islam meraikan dan memberi ruang kepada penganut agama lain melakukan ibadat serta ritual mengikut cara masing-masing selagi tidak dilihat mengganggu kesucian Islam.

"Di Malaysia, kerajaan memberikan cuti atas dasar agama kepada penganut agama lain, seperti Krismas, Deepavali dan Tahun Baharu Cina. Tiada negara lain boleh dijadikan sebagai model. Walaupun wujud perbezaan, ia berlangsung dengan baik.

"Namun ada batasan yang perlu dijaga kerana Islam tidak menganggap agama lain adalah benar. Jadi, selagi amalan dan kepercayaan itu tidak mengganggu, ia dibolehkan kerana Islam sendiri tidak menyatakan yang buruk kepada agama lain," katanya.

Pada masa sama, Muhammad Adib mengingatkan usaha dilakukan pihak yang cuba memberi tafsiran salah mengenai Islam.

Katanya, golongan liberalisme dan sekularisme yang hadir dengan ideologi semasa cuba menolak bentuk penukiran agama sebagai usaha melonggarkan penganan Islam.

"Oleh itu, tafsiran terhadap istilah dalam Islam perlu dirujuk kepada ulama muktabar supaya dapat memberi penjelasan yang dapat mengelakkan kekeliruan.